

## **Jawapan Kepada Tuan Haji Sanusi Mahmud Hakim Mahkamah Shariah**

Di dalam majalah Qalam keluaran bulan Disember 1962 yang lalu telah tersiar rencana yang ditulis oleh Tuan Haji Sanusi Mahmud yang mempunyai *shahadah ‘alimiyyah* dari Azhar yang ditujukan, nampaknya khusus kepada diri saya, sebagai orang yang bertanggungjawab di atas penerbitan majalah Qalam. Maqalah itu ditulisnya terbit daripada tiga rencana di dalam majalah Qalam bulan Oktober 1962 iaitu ruangan “Kopi Pahit” (pojok), “*Masyarakat Islam Dengan Hukum Agama Islam*” dan “Kandungan Rang Undang-undang Hukum Islam (1960) Dijadikan Peraturan?” rencana “Kopi Pahit” ditulis oleh Cemeti al-Farouk, rencana “*Masyarakat Islam Dengan Hukum Agama Islam*” rencana pengarang dan rencana yang lagi satu oleh saya sendiri.

Di dalam kedua-dua rencana, selain daripada pojok, dengan jelas dan tepat bahawa azam dan tujuannya berkehendak kepada perbaikan di atas perkara-perkara yang mengenai hukum nikah kahwin yang dijalankan di Singapura dengan menuntut supaya tidak di amal dan dijalankan langkahnya atau perbuatan-perbuatan, di dalam mengadakan perbaikan itu, timbul perkara-perkara yang bertentangan dengan hukuman Allah yang diluluskan untuk dilaksanakan oleh umat Islam.

Rencana-rencana itu dengan jelas membawa hujah-hujah yang timbul daripada perasaan tidak puas hati di dalam perkara-perkara yang nampaknya dijalankan dan dilaksanakan yang diurus oleh orang ramai bertentangan dengan hukum Islam pada hal kerajaan sendiri, sepanjang yang diketahui, tidak sedikit pun mahu mencampuri perkara-perkara orang-orang Islam apa lagi berniat untuk mengacau atau meminda hukum-hukum Islam yang dijalankan di atas orang-orang Islam (terutamanya di dalam perkara nikah kahwin dan seumpamanya).

Dengan azam dan cit-cita itulah maka rencana-rencana yang seperti itu, saya difahamkan akan terus diperjuangkan, sehingga umat Islam berpuas hati bahawa kebebasan beragama terjamin - dan undang-undang negeri yang diadakan untuk mereka tidak sekali-kali akan mengongkong atau

menghalang kebebasan beragama terutamanya di dalam perkara nikah kahwin dan cerai

Di dalam tulisan-tulisan itu terutamanya di atas kedua-dua rencana itu, tidak sedikit pun pernah disebut sahsiah Tuan Haji Sanusi Mahmud, Yang di-Pertua Mahkamah Syariah Singapura. Yang disebut hanya tentang perjalanan yang berlalu di dalam mahkamah itu yang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati umat Islam sehingga dengan kerananya maka Majlis Penasihat Islam Singapura telah pun mengadakan suatu jawatankuasa kecil untuk menyiasat pengaduan-pengaduan, atau pun ketidak puas hati umat Muslimin di dalam perkara Mahkamah Syariah itu. Jawatankuasa ini mengandungi tujuh orang dengan diketuai oleh Tuan M. J. Namazi, seorang peguam Islam yang kenamaan. Dengan adanya ini zahir bahawa ketidak puas hati itu bukannya dari pihak saya sahaja tetapi dari pihak Majlis dan juga dari pihak Jamiyah al-Da’wah al-Islamiyyah, yang telah melantik suatu jawatankuasa pula kerananya. Ini menjadi bukti bahawa apa yang kita tulis itu berdasarkan kebenaran - dan tidak ada ditujukan sahsiah di dalamnya.

Malangnya tujuan tulisan-tulisan itu, yang membawa hujah-hujah

agama dan hukumnya, dibalas oleh Tuan Haji Sanusi Mahmud, Hakim Mahkamah Syariah dengan ditujukan kepada sahsiah saya. Beliau menuduh bahawa “**semuanya bohong, karut lagi mengelirukan serta mengandungi tujuan-tujuan jahat dan hasad dengki.**”

Kalau rencana-rencana yang ditulis semuanya bohong, karut lagi mengelirukan mengapa pula Majlis Penasihat Islam Singapura hingga mengadakan suatu jawatankuasa penyiasatan terhadap Mahkamah Syariah dan mengapa pula kerajaan terpaksa mengadakan penjelasan menerusi akhbar dan radio? Kalaulah perkara ini tidak benar tentunya kerajaan tidak mengadakan penjelasan terhadap apa yang berlaku dan tidaklah masyarakat ramai berasa bimbang. Adakah ini kedengkian, hasad dan bertujuan jahat? Adakah Tuan Haji Sanusi fikir saya akan berdengki hati kerana beliau menduduki kerusi Yang di-Pertua Mahkamah Syariah?

Saya tidak dengkikan pangkat dan kedudukan dan saya tidak berharap dengan pangkat dan kedudukan – kerana saya mempunyai keyakinan di atas tangan dan usaha diri sendiri yang telah dikurniakan Tuhan kepada saya, sekali pun saya jauh dari berta’til ulama dan jauh pula daripada mempunyai “syahadah”.

Bahkan bukan itu sahaja- saya bukan seorang ulama, saya hanya seorang penulis. Sayangnya hujah-hujah saya di dalam tulisan yang dibahas oleh al-fāḍil Tuan Haji Sanusi Mahmud, tidak dibahas tulisannya tetapi yang dibahas penulisnya. Cuba terangkan adakah hujah-hujah agama yang dibawa di dalam perkara itu bertentangan dengan hukum syarak atau tidak! Ini yang perlu dijawab, bukannya siapa saya, siapa guru saya. Ini tidak perlu saya paparkan di hadapan umum, kerana seolah-olah kelak akan menjadi kemegahan sahaja - aku telah berguru dengan fulan tetapi guru mulia sedang muridnya selalu terbabas.

Saya, dan saya yakin orang ramai kaum Muslimin juga, berhajat hukum Islam dilaksanakan, kalau didapati salah hukuman-hukuman negeri yang dibuat di atas umat



**Tuan Haji Sanusi Mahmud, Yang di-Pertua Mahkamah**

**Syariah Singapura.**

\* \* \*

Islam maka berhak tiap-tiap umat Islam menuntut pindaan; tetapi hukuman syarak tidak seorang pun berhak memindanya. Jika kelulusan syarak dikatakan oleh hukuman negeri dan berlawanan dengan syarak maka saya pandanglah adalah ia sebagai satu jihad untuk membalikkannya semula kepada tujuan-tujuan syarak.

Umpamanya Undang Islam (Singapura) 1957 faṣal (6) pecahan (3) yang meluluskan kađi mengadakan penyiasatan sehingga 14 hari baru berpuas hati. Ini hukum negeri tetapi adakah syarak menghendaki demikian. Jika tidak maka kewajipan umat Islam membantah peraturan-peraturan yang dibuat itu dengan dasar bahawa kerajaan tidak mahu mencampuri hal ehwal umat Islam. Sebab itulah perkara seperti itu berhak di bantah oleh umat Islam sebab negeri ini bukan negeri diktator. Bantahan yang



Universiti Azhar di Mesir, sekarang telah membuka pintunya kepada penuntut-penuntut wanita. Di dalam gambar ini kelihatan seorang mahaguru sedang bersama-sama dengan mahasiswa-mahasiswa wanita di Azhar.

\* \* \*

dibuat itu tidak sekali-kali mengenai sahsiah seseorang.

Juga mengenai kahwin lebih dari satu. Di dalam Undang-undang Islam 1957 dengan pindaannya 1960 cukup diketahui bahawa hanya *Chief Kadi* sahaja yang boleh mengkahwinkan seseorang lelaki yang ada mempunyai isteri sekiranya ia berpuashati, setelah menyiasat bahawa yang demikian tidak bertentangan dengan hukum syarak. (Seksyen 7A. daripada Undang-undang Islam Singapura 1959 Pindaan 1960).

Di dalam perkara ini Haji Sanusi Mahmud, Yang di-Pertua Mahkamah Syariah di dalam suratnya di antara lain berkata:

“Peraturan yang sebenarnya ialah mengikut Undang-undang Islam 1957 dan Pindaan Undang-undang Islam tahun 1960 bahawa seorang yang telah sedia ada isteri mestilah meminta izin daripada *Chief Kadi* siapa **hanya dapat memberi izin tersebut** sesudah suatu pemeriksaan yang lengkap dan tertentu dan setelah ia **berpuas hati** bahawa si suami boleh memberi **layanan yang sama dan adil** terhadap isteri-isteri itu dan mampu memberi nafkah kepada mereka dan ada anak-anak mereka. Dari itu jika *Chief Kadi* ada bertanya kepada isteri tuanya di dalam pemeriksaan itu dengan perkataan “Adakah awak suka suami awak berkahwin lagi?” maka itu tidak bererti bahawa izin *Chief Kadi* bergantung di atas persetujuan isteri tuanya, kerana jawapannya (isteri tua) jika ia tidak takut dengan ugutan suaminya, ialah dan mestilah “saya tidak suka. Siapakah yang suka dimadukannya?”

Di dalam undang-undang 7A bahawa *Chief Kadi* boleh mengkahwinkan seseorang yang ada isteri setelah ia mendapati bahawa tidak ada halangan-halangan syarak. Dan menurut undang-undang itu juga (Seksyen 14) siapa yang tidak puas hati kepada keputusan itu boleh apabila kepada Mahkamah Syariah; dan seterusnya menurut Seksyen 37 apabila boleh dibuat kepada *Appeal Board* di atas keputusan Mahkamah Syariah itu.

Daripada ini kita suka bertanya, adakah yang diterangkan oleh Tuan Haji Sanusi mengenai ini ertiinya perkara-perkara “berpuas hati bahawa ia tidak bertentangan dengan syarak?”

Di dalam majalah Qalam telah mengeluarkan beberapa hujah-hujah syarak tentang meletakan sesuatu perkahwinan lebih daripada satu. Di sana tidak didapati ada hak Kadi menahan sesuatu perkahwinan dengan alasan-alasan yang seperti itu. Tidak ada pula syarak menghendaki supaya suami bertanya kepada isteri tua seperti yang di sebut oleh Tuan Haji Sanusi. Dengan kerana itu di manakah hukum syarak diletakkan di dalam perkara ini? Adakah hukum syarak mesti mengekor hukum manusia? Apa tidakkah tujuan menyekat



Jawatankuasa pemeriksa mahasiswa-mahasiswa baru di al-Azhar Mesir. Beberapa mahasiswa-mahasiswa wanita-wanita ini sedang ditanya oleh al-Syakh Shakir Muhammad 'Atiyah ( yang bersongkok putih) dari Azhar.

perkahwinan lebih daripada satu ke atas orang-orang Islam  
itu boleh menimbulkan dan menggalakkan penzinaan?

Apakah erti untuk mengadakan sekatan itu lalu  
dibawa dasar " kalau tidak puas hati atas keputusan  
*Chief Kadi* " boleh *appeal* kepada Mahkamah Syariah?  
Sungguhpun ada kelulusan menuntut *appeal* tetapi yang demikian  
alah semata-mata menyusahkan dan merumitkan sahaja  
sedang peraturan *appeal*, biasanya tidaklah mudah iaitu  
menghendaki perbelanjaan. Perkara-perkara galangan seperti ini  
akan menimbulkan dua merbahaya dan bencana:

**Pertama**, menjadikan orang-orang yang hendak beristeri  
lagi boleh membuat nikah sendiri dengan tidak  
payah di hadapan Kadi- yakni melanggar hukum  
negeri.

**Kedua**, bagi mereka-mereka yang telah suka sama suka dan  
reda akan memuaskan hati mereka,boleh

menjadikan mereka berzina. Hendaklah diingat bahawa  
orang-orang Islam bukan sebagai golongan lain-  
sama sekali diharamkan berzina dan hukuman  
atasnya berat sekalipun hukuman yang berat itu  
tidak dapat dilaksanakan di negeri ini kerana  
hukum Islam tidak berdaulat hari ini.

Mengenai perceraian, Tuan Haji Sanusi berkata:

" sesungguhnya kadi-kadi Singapura termasuk *Chief*  
Kadi dan kadi Mahkamah Syariah **tidak dibenarkan**  
**mendaftarkan apa jua penceraian** ini melainkan **kedua-dua**  
**suami isteri** hadir di hadapan mereka dan **bersetuju**  
**hendak bercerai** mengikut Undang-undang Islam 1957 fasil  
12 pecahan (3).

Perkara ini telah panjang lebar mendapat ulasan.

Perkataan yang umum di dalam undang-undang ini adalah mengikat dan  
boleh dijadikan bermacam-macam kerana di dalamnya disebut

perceraian boleh dibuat dan didaftarkan sekiranya kedua-dua (yakni suami isteri) bersetuju. Nisbah kalau

seseorang isteri tidak bersetuju maka apakah cerai yang sudah dilafazkan oleh suami itu tidak jatuh?

Persetujuan perempuan atas sesuatu perceraian rasanya tidak pernah dijumpai ada di dalam agama Islam.

Yang ada barang kali hanya di dalam agama lain sahaja, Kristian umpamanya.

Cuba perhatikan kata-kata Tuan Haji Sanusi, Hakim Mahkamah Syariah yang dibawah ini:

**“(b) perkara suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak persetujuan isterinya adalah tidak benar.** Saya sendiri sebagai hakim Mahkamah Syariah telah mendaftarkan dalam tahun ini kira-kira sepuluh perceraian setelah suami melafazkan talak isterinya pada hal isterinya itu tidak bersetuju bahawa dia ditalak oleh suaminya. **Cuma** menurut Undang-undang Islam fasal (12) pecahan (3), **Kadi-Kadi tidak dibenarkan mendaftarkan sebarang perceraian melainkan setelah mereka berpuas hati bahawa kedua-dua pihak-suami isteri bersetuju.”**

Pada permulaan perkataannya ini beliau berkata bahawa tidak benar kenyataan suami tidak boleh menceraikan isterinya kalau tidak ada persetujuan isterinya. Beliau lalu memberi kenyataan berkenaan apa yang dibuatnya tetapi pada akhirnya beliau berkata pula “menurut Undang-undang Islam fasal (12) pecahan (3) kadi-kadi tidak dibenarkan mendaftarkan sebarang perceraian melainkan setelah mereka berpuas hati bahawa **kedua-dua pihak suami isteri bersetuju.**

Sekarang mana yang mahu dipegang. Beliau manafikan kemudian Mengakui, saya hanyalah berkata: Mā shā' Allāh!

Untuk membuktikan bahawa sesuatu perceraian tidak boleh dilakukan oleh suami ke atas isterinya di Singapura adalah nyata dengan siaran iklan yang harus diterbitkan oleh Mahkamah Syariah Singapura mengenai

seorang suami menuntut isterinya hadir di mahkamah Syariah Singapura kerana hendak menuntut cerai (iklan tersiar di dalam Utusan Melayu 20 Ogos 1962 muka di lapan).

Tuan Haji Sanusi lalu mempertahankan *Piagam Wanita*. Sepanjang yang kita ketahui bahawa perkara-perkara yang mengenai *Piagam Wanita* seluruh umat Islam berfaham bahawa *Piagam Wanita* keseluruhannya tidak dikenakan kepada umat Islam. Tetapi malangnya baru sekarang disedari sehingga, sepanjang yang kita ketahui bahawa ada ahli-ahli Majlis Penasihat Islam yang terperanjat di dalam hal ini. Mereka berpendapat mengapa perkara-perkara yang mengenai umat Islam tidak dibawa dan dibahas di majlis itu, terus sahaja dikenakan dengan tidak setahu mereka?

Dengan apa yang saya sebutkan ini rasanya berjawab apa yang dikatakan beliau sebagai benar tetapi sebenarnya terus salah dengan bersifat mendirikan benang basah.

Adapun mengenai serangan-serangan beliau kepada peribadi saya, biarlah orang ramai menimbangkannya. Bergurukah saya atau siapa guru saya tidak menjadi soal: yang menjadi soal apakah hujah-hujah saya itu menyalahi syarak atau benar – jika menyalahi syarak terangkan salahnya, jika menyalahi undang-undang negeri maka jika ia bertentangan dengan syarak maka saya terus menerus akan menentangnya sehingga syarak tidak diperkosa.

Demikian juga tentang rumah tangga dan anak-anak saya. Itu perkara saya dan tidak perlu orang lain tahu.

Saya tidak perlu memaparkannya sebagai jawapan saya.

Di sini sebagai jawapan saya. Kalau Tuan Haji Sanusi mahu, barangkali difikirkannya suatu kewajipannya untuk mengetahui dapur rumah saya, silakan datang ke rumah saya keluarga saya bersedia memberi keterangan-keterangan yang dihajatnya.